

# Kebun buah, Fima labur \$6 juta di Kedah

ALOR SETAR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed mengumumkan Fima akan melaburkan \$6 juta bagi melaksanakan projek ladang buah-buahan dan kilang di negeri Kedah.

Bellau yang juga Pengerusi Fima berkata jumlah tersebut adalah berlebihan satu juta ringgit dari peruntukan yang diberikan kepada Fima untuk dilaburkan di Kedah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Menurutnya, rancangan pembinaan kilang adalah selaras dengan strategi Fima untuk memproses buah-buahan tempatan dengan mutu yang tinggi.

Dengan terdirinya kilang itu kelak katanya, selain dari menjalankan perniagaan Fima akan cuba mencari saluran supaya dapat pekebun-pekebun dan petani di kawasan sekitar yang mengeluarkan bahan yang sama menjual bahan-bahan keluaran mereka.

Seluruh rancangan itu tambahnya adalah untuk memenuhi hasrat Kerajaan iaitu Fima dijadikan sebagai perintis bagi menggalakkan pembukaan industri di luar bandar serta menambatkan lagi peluang pekerjaan di luar bandar.

## Usahasama

Dato Seri Dr Mahathir berucap demikian selepas menandatangani perjanjian dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah bagi melaksanakan projek ladang usahasama di kawasan 3,000 ekar di daerah Sik di Wisma negeri hari ini.

Menteri Besar Dato Seri Syed Ahmad Shahabuddin menandatangani perjanjian tersebut sebagai Pengerusi perbadanan itu.

Projek itu menelan belanja sebanyak \$5 juta selain dari ladang buah-buahan akan juga dilaksanakan tanaman lada hitam dan cengkeh.

Dr Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, sebelum kilang bagi memproses buah-buahan didirikan segala hasil yang akan diperolehi akan dijual di pasar-pasar untuk menampung keperluan buah-buahan tempatan.

## Langkah

Walau bagaimanapun, ujarnya apa yang pasti kepada kita ialah negara kita akan terus memerlukan banyak buah-buahan segar untuk rakyat yang semakin bertambah.

Oleh yang demikian tambah bellau pengeluaran buah-buahan tempatan perlu diperbaiki lagi kerana negara ini masih banyak mengimpor buah-buahan dari luar negeri.

Di samping itu juga tambah bellau Kerajaan telah mengenakan cukai yang agak tinggi bagi buah-buahan yang dim-



DR. MAHATHIR

port bagi menggalakkan pengeluaran buah-buahan tempatan.

Dr. Mahathir menegaskan langkah mengenaikan sekatan import buah-buahan luar negeri tidak memadal kalau tidak diselaraskan pula dengan menambahkan pengeluaran buah-buahan tempatan.

Setakat ini menurutnya belum terdapat banyak pemodal-pemodal yang membuka ladang buah-buahan secara meluas dan teratur di negara ini.

Bellau berkata selama ini pelabur-pelabur di bidang pertanian hanya menumpukan kegiatan pada tanaman yang mengeluarkan hasil untuk dieksport sahaja.

Kerajaan katanya, memberikan segala galian untuk membuka ladang-ladang buah-buahan baikpun untuk dieksport ataupun bagi kegunaan dalam negeri.

No. Lini: 1208  
No. Pawi: 879/80